



مجلس قروندريڤن كامقونغ سونغاي ترابن

MAJLIS PERUNDINGAN KAMPUNG SUNGAI TERABAN



JABATAN DAERAH BELAIT
KUALA BELAIT KA1131
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam

Website :
www.daerah-belait.gov.bn

Tarikh : 18hb Februari 2024M
Bersamaan : 08hb Syaaban 1445H

Rujukan : **230/SU/MPK/KG/SGT/2024**

PER : MINIT MUZAKARAH PERJUMPAAN DENGAN ANAK BUAH KAMPUNG KALI KE 04/2024 KAMPUNG SUNGAI TERABAN

Pada : 18hb Februari 2024/ Jam : 09:30 pagi
Bertempat : Bilik Khutub Khanah Masjid, Kampung Sungai Teraban

Agenda Mesyuarat:

(Mengikut Peraturan Lembaga Pengelola Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (2006) Buku Hijau)

- 1 : Membaca Surah Al-Fatihah
- 2 : Ucapan Pengerusi (Pmk. Ketua Kampung)
- 3 : Meneliti dan mengesahkan minit mesyuarat yang lalu
- 4 : Perkara-perkara yang berbangkit
- 5 : Membentangkan laporan kegiatan (Setiausaha)
- 6 : Membentangkan dan mengesahkan penyata kewangan (Bendahari)
- 7 : Membahaskan usul dan cadangan
- 8 : Hal-hal lain

Dihadiri oleh:

Rujuk senarai nama-nama yang hadir.

Bil	Agenda	tindakan
1	<i>Membaca Surah Al-Fatihah</i> Telah dipimpin oleh tuan Imam Masjid Kampung Sungai, Imam Md Nor Islam bin Md Suria dan diikuti oleh semua yang hadir saterusnya membaca doa selamat.	
2	<i>Ucapan Pengerusi (Pmk. Ketua Kampung)</i> 2:1 Pmk. Ketua Kampung Sungai Teraban selaku Pengerusi MPK Awang Zaini Bin Hj Kaderi tidak lupa mengucapkan terima kasih diatas kehadiran penduduk kampung, terutamanya AJK MPK sesi tahun 2019-2024 diatas kerja-kerja mereka selama ini membantu akan pentadbiran MPK beliau penoh berharap agar perlantikan AJK MPK yang baru ini supaya dapat lagi memantapkan pentadbiran serta mengeratkan silaturahim bagi memajukan, keharmonian perpaduan anak buah kampung.	makluman

3	<p><i>Meneliti dan mengesahkan minit mesyuarat yang lalu.</i></p> <p>3:1 Setiausaha membacakan secara ringkas minit muzakarah bersama penduduk Kampung Sungai Teraban kali ke: 03/2022 pada: 9/10/2023 yang lalu, dan beliau memaklumkan sakiranya ada penduduk yang ingin minit tersebut bolehlah minta salinan kearah Setiausaha.</p>	Makluman
4	<p><i>Perkara-perkara yang berbangkit</i></p> <p>Didalam minit tersebut ada beberapa perkara yang berbangkit diantaranya adalah didalam Bab-bab seperti:</p> <p>Bab 5:1 Hj Abd Rahman Bin Hassan cadangan mengenai system Internet terlalu slow (lagging) diperekitaran kampung perlu diambil kira. <i>Jawapan: dijawab Setiausaha perkara tersebut telah selesai dilaksanakan oleh pihak Imagine yangmana semua perumahan di Kampung Sungai Teraban sudah menggunakan fiber optics cable.</i></p> <p>Bab 5:2:1: Hj Yunus Bin Hj Md Husaini, cadangan mengenai label-label jalan-jalan di kampung haruslah diambil kira untuk dikemaskinikan. <i>Jawapan: perkara tersebut sudah dilaksanakan oleh pihak JKR melalui kontraktor-kontraktor yang telah berjaya mendapatkan tawaran memasangnya.</i></p> <p>Bab 5:2:4 Anjing berkeliaran dan monyet-monyet di kampung amat memberhayakan kepada penduduk lebeh-lebeh lagi anak-anak sekolah. <i>Jawapan: Pengerusi memaklumkan bahawa anjing-anjing akan ditangkap dan dipindahkan ketempat khusus diberi makan oleh pihak-pihak yang berkenaan, manakala masalah monyet berkeliaran dari dulu sudah isu yang belum dapat ditangani makanya Pengerusi akan memasokkan isu tersebut lagi kepengetahuan pihak Belait Perihatin untuk mengambil tindakan selanjutnya.</i></p> <p>Bab 5:2:6 Cadangan beliau juga agar dipohonkan sebidang tanah TOL untuk berniaga khusus untuk penduduk Kampung Sungai Teraban. <i>Jawapan : Pengerusi memaklumkan bahawa perkara tersebut sudah dipohonkan melalui surat daripada Setiausaha ke Pegawai Daerah Belait belum ada jawapan.</i></p> <p>Sehubungan dengan itu minit di cadangkan bagi pengesahannya oleh Hj Yunus Bin Hj Md Husaini dan disokong oleh Kadir Bin Hj Bujang.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
5	<p><i>Membentangkan laporan kegiatan (Setiausaha)</i></p> <p>5:1 Setiausaha memaklumkan kepada penduduk yang hadir mengenai laporan kegiatan MPK sepanjang tahun 2019/2020/2021/2022 dan 2023 laporan berbentuk lima (5) naskah dokumen ada disediakan dan Setiausaha memaklumkan sakiranya penduduk kampung ingin untuk mendapatkan naskah-naskah tersebut bolehlah merujuk dan meminta kepada Setiausaha.</p>	Setiausaha
6	<p><i>Membentangkan dan mengesahkan penyata kewangan (Bendahari)</i></p> <p>6:1 Bendahari Hj Matazam bin Hj Kaderi menerangkan satu persatu akan proses pengendalian sumbar kewangan masuk dan keluar MPK termasuk kedudukan wang didalam simpanan terkini sahingga 18/2/2024 juga</p>	Bendahari

	perjalanan proses kedepannya dengan jelas melalui slide projector yang disediakan, penduduk kampung disaran bolehlah melayari web site MPK www.mpksungaiteraban.com	
7	<p>Membahaskan usul dan cadangan</p> <p>7:1 Hj Abd Rahman Bin Hassan 7:1:1 Hakisan tanah disepanjang tepi pantai kawasan Balai Raya. <i>Jawapan : Pengerusi menjawab yangmana pihak BSP bercadang akan membuat retaining wall dan sudah di buat survey disukat tapi masih menunggu kos perbelanjaan daripada JKR dan masih belum ada tindakan selanjutnya semasa mesyuarat dengan BSP Pengerusi sudah bertanya tapi belum ada jawapan diterima Setiausaha juga pernah menulis melalui surat permohonan.</i></p> <p>7:2 Hj Yunus Bin Hj Md Husaini. 7:2:1 Simpang 5/22 memohon dipasang Hump jalan raya, bagi mengelakan kenderaan melalui jalan yang dimaksudkan dengan laju. <i>Jawapan: Setiausaha memaklumkan bahawa ada beberapa jalan sudah dipohonkan untuk dibuat Hump, termasuk Jalan yang dimaksudkan.</i></p> <p>7:2:2 Jalan raya di sepanjang Jalan Sungai Teraban Rasau banyak hakisan tanah siring jalan yang sudah terturun dan rosak. <i>Jawapan: Pengerusi memaklumkan bahawa perkara tersebut baru-baru ini sudah dibuat aduan melalui surat dari Setiausaha kepada pihak JKR.</i></p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
8	<p>Hal-hal lain</p> <p>8:1 Salim Bin Hj Bujang 8:1:1 Jalan selekoh berhadapan rumah ketua kampung lama supaya dapat dibesarkan bagi memudahkan laluan kenderaan yang sentiasa lalu disana. <i>Jawapan: Perkara tersebut diambil maklum oleh Pengerusi dan Setiausaha.</i></p> <p>8:1:2 Tiang-tiang lampu letrik dipasang atas jambatan baru <i>Jawapan: Pengerusi memaklumkan perkara tersebut sudah dipohonkan melalui surat daripada Setiausaha.</i></p> <p>8:1:3 Beberapa tempat kontrak membuat bangunan rumah baru selepas penimbokan tanah longkang tidak dikorek balik ini menyebabkan saluran air longkang tersumbat. <i>Jawapan: Pengerusi memaklumkan bahawa urusan tersebut adalah berkaitan dengan urusan rumah pesendirian walau bagaimanapun beliau mengambil maklum isu yang dibangkitkan.</i></p> <p>8:1:4 Bertanyakan untuk menebang pokok Kayu Ara di belakang Masjid. <i>Jawapan: Pengerusi akan berunding dengan tuan Imam Insyah-Allah akan difikirkan untuk mencari tarikh yang bersesuaian manakala Penghulu Mukim Belait Tuan Hj Afiq Bin Hj Zainuddin menambah akan memberikan kerjasama untuk membawa beberapa orang untuk menolong memucang-mucang membersih.</i></p>	<p>Pengerusi/ Setiausaha</p> <p>Makluman</p> <p>Pengerusi</p> <p>Pengerusi/ Pengkulu/ Imam/ Setiausaha</p>

	<p>8:2 Hjh Aminah Bte Kekik 8:2:1 Mengusulkan longkang-longkang di sepanjang Jalan Sungai Teraban Timur supaya dikorek dan rumput-rumput panjang termasuk tiang lampu-lampu letrik perlu diperbaiki dan penghujung jalan raya yang tertutup oleh pokok-pokok supaya dapat dibersihkan. <i>Jawapan: Perkara tersebut diambil maklum oleh Pengerusi dan Setiausaha.</i></p> <p>8:3 Hj Abd Rahman Bin Hassan 8:3:1 Menegur bekas tiang kayu melekat poster supaya di buka dan buang. <i>Jawapan : Perkara tersebut diambil maklum oleh Pengerusi</i></p> <p>8:4 Hj Yunus Bin Hj Md Husaini 8:4:1 Memaklumkan ada orang India yang selalu membeli besi buruk di kampung yangmana hasil duitnya nanti akan disalurkan kearah perkara-perkara yang berkeabajikan (charity), beliau memberi nasihat supaya penduduk kampung berhati-hati ketika berurusan dengan mereka. <i>Jawapan: perkara tersebut diambil maklum oleh Pengerusi.</i></p> <p>8:5 Kadir Bin Hj Bujang 8:5:1 Meminta supaya JKR mengetahui saluran air keluar (water outfall) di kampung agar dibersihkan, hanya terdapat 03 saluran yang diketahui di persekitaran kampung, dua diantaranya sepanjang jalan di Balai Raya dan satu bersebelahan rumah Awg Ienue Amin. <i>Jawapan: Setiausaha memaklumkan jua satu outlet bersebelahan rumah Awg Rosesidi Japar, sudah dimaklumkan ke JKR tapi tiada tindakan dibuat, manakala JKR hanya memantau, melihat dan mengambar melalui dalam kereta sahaja. Pengerusi mengambil maklum.</i></p> <p>Pengerusi menambah akan membuat surat rujukan ke JKR agar jalan dari jambatan baru hingga rumah Dyg Norma Bte Hj Md Alli diturap aspal.</p>	<p>Pengerusi/ Setiausaha</p> <p>Pengerusi/ Setiausaha</p> <p>Makluman</p> <p>Pengerusi/ Setiausaha</p> <p>Pengerusi/ Setiausaha</p>
--	--	---

Mesyuarat berakhir kira-kira jam 10:40 pagi dan seterusnya menikmati jamuan yang ada dan diselajurkan dengan bergambar ramai sebagai kenangan.

Minit dicatat oleh

Disahkan oleh

Ramli Bin Hj Chi

Setiausaha AJK MPK 2024
18hb Februari 2024

Zaini Bin Hj Kaderi

Pengerusi AJK MPK 2024

Salinan : Pmk. Pegawai Daerah Belait
: Institusi Mukim dan Kampung Daerah Belait
: Penghulu Mukim Belait
: AJK MPK

Rhe/Februari-2024 

/

/